

Headline	CyberSecurity regulate cyber natural country (CyberSecu...)		
Date	17. Aug 2007	Language	MALAY
Media Title	Harian Metro	Page No	11
Section	Setempat	Article Size	398 cm ²
Circulation	172903	Frequency	Daily
Readership	605160	Color	Full Color



CyberSecurity kawal selia alam siber negara

Headline CyberSecurity regulate cyber natural country (CyberSecurity kawal selia alam sib...
Date 17. Aug 2007
Media Title Harian Metro

PERKEMBANGAN dunia kan cabang dengan menukar dalam menangani isu keselamatan siber di Malaysia. teknologi maklumat dan nama baru kepada National ICT Security and Emergency Response Centre (Niser) makin mencabar menuntut ilmu pengetahuan secukupnya bagi memudah individu atau syarikat menangani serangan mengendalikannya.

Umpamanya, apakah langkah terbaik, jika komputer atau laman web digodam sama ada melalui proses sabotaj, curi data, tabur fitnah atau dicemar dengan gambar lucuah.

Mungkin ramai yang tidak tahu CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) adalah tempat paling sesuai membuat laporan berhubung pencerobohan itu.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity, Lt Kol (B) Husin Jazri, berkata agensi itu ditubuhkan pada 1997 dengan nama Malaysian Computer Emergency Response Team (MyCert) dibawah kawal selia Mimos Berhad (Mimos) bagi mengawal selia pengguna Internet di Malaysia.

Menurutnya, selepas beberapa bulan beroperasi dengan menggunakan nama MyCert, pihaknya mengorak langkah dan mengembang-

ICT Response Centre (Niser) pada 24 Januari 1998 yang berfungsi mengawal ICT negara. .

“Bagaimanapun, Niser secara rasmi dilancarkan pada 10 April 2001 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahim Badawi yang melihat pengembangan dunia ICT semakin mencabar.

“Selepas beberapa tahun beroperasi, agensi ini melalui proses penjenamaan dan menukar nama baru iaitu CyberSecurity Malaysia pada Mac lalu,” katanya.

Beliau berkata, CyberSecurity ialah pusat koordinasi setempat untuk keselamatan pengguna siber kebangsaan bermatlamat melindungi, membimbang, promosi di samping merangka strategi

“Peranan CyberSecurity membabitkan pencegahan jenayah, penyiasatan dan penyelesaian serta meletakkan standard dan pengalaman terbaik, pengurusan perniagaan, penasihat bagi mangsa jenayah siber, mengurangkan pencerobohan ke atas sistem dan rangkaian teknologi maklumat,” katanya.

Menurutnya, lima perkhidmatan diperkenalkan kepada orang ramai yang ingin mendapatkan bantuan antaranya Cyber999/Computer Emergency Response, Cyber Forensics, Security Assurance, Security Management dan Best Practices Training and Outreach.

“Orang ramai boleh menghubungi kami bagi mendapatkan perkhidmatan yang disediakan,” katanya.

CyberSecurity beralamat di tingkat 7, Sapura@Mines, Jalan Tasik, The Mines Resort City, Seri Kembangan, Selangor. Ia dibuka Isnin hingga Jumaat dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang. Talian hubungan 03-89926888 atau e-mel: cybersecurity.org.my atau kunjungi laman web di www.cybersecurity.org.my

Headline CyberSecurity regulate cyber natural country (CyberSecurity kawal selia alam sib...
Date 17. Aug 2007
Media Title Harian Metro



ff

Peranan CyberSecurity membabitkan pencegahan jenayah, penyiasatan dan penyelesaian serta meletakkan standard terbaik, pengurusan perniagaan, penasihat bagi mangsa jenayah siber, mengurangkan pencerobohan ke atas sistem dan rangkaian”

>Lt Kol (B) Husin Jazri
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity

